

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ KEPONG ]**

**SOALAN NO. 245**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keputusan kajian semula projek insinerator di Taman Beringin Kepong, lokasi baru projek tersebut dan apakah pelan untuk menambah baik pusat pemindahan sisa Kepong.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Soalan (a) : Status Projek Insinerator di Taman Beringin**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, pelaksanaan projek insinerator di Taman Beringin masih ditangguhkan bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai dan teknologi terbaik yang memberi kesan yang paling minimum terhadap kesihatan dan Alam Sekitar.

**Soalan (b) : Pelan Penambahbaikan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Kepong**

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merancang untuk membina stesen pemindahan baharu bagi menggantikan stesen pemindahan sedia ada yang telah beroperasi sejak tahun 2002. Ini adalah kerana stesen pemindahan sedia ada yang telah berusia 16 tahun sering mengalami masalah mekanikal serta tidak lagi ekonomik untuk beroperasi. Tambahan pula, teknologi *horizontal compaction* yang digunakan tidak lagi sesuai kerana mengakibatkan penghasilan *leachate* yang banyak serta memerlukan kos pengoperasian dan penyenggaraan yang tinggi.
3. Pada masa ini, KPKT sedang dalam proses melantik syarikat bagi melaksanakan kerja-kerja membina dan mengoperasi stesen pemindahan baharu. Pembinaan stesen pemindahan baharu ini akan menggunakan teknologi *vertical compaction* yang lebih menjimatkan kos kepada Kerajaan. Sekian, terima kasih.